

**NO SOALAN : 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]  
TARIKH : 25 JULAI 2017  
SOALAN : 64**

**YB Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) bilakah hospital baru di Kampar yang telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 2012 akan dibina; dan
- (b) apakah sudah berlaku dengan bajet RM150 juta yang diperuntukkan untuk hospital baru tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jemaah Menteri pada 30 Mei 2012, telah meluluskan pelaksanaan projek Hospital Kampar menggunakan kaedah Kerjasama Awam Swasta. Walau bagaimanapun Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mac 2014 telah membatalkan cadangan pelaksanaan Hospital Kampar secara kaedah Kerjasama Awam Swasta dan memutuskan agar projek tersebut dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan secara

berfasa di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Seterusnya, pada masa yang sama Kementerian dimaklumkan mengenai cadangan pembinaan sebuah hospital swasta yang bukan berasaskan keuntungan (non profit) dimana jarak tapak hospital yang dicadangkan adalah lebih kurang 4 kilometer daripada tapak cadangan pembinaan Hospital Kampar oleh Kementerian Kesihatan.

Selain itu, lokasi tapak bagi projek pembinaan Hospital Kampar berkapasiti 150 katil adalah di Bandar Agacia, Taman Kampar Putra iaitu kawasan bekas lombong seluas 100 ekar dimana komposisi tanah berkenaan adalah 40 peratus tanah dan 60 peratus air. Mengambil kira faktor tapak yang akan memerlukan peruntukan yang tinggi bagi tujuan rawatan tanah dan pada masa yang sama terdapat cadangan pembinaan sebuah hospital oleh UTAR, maka Kementerian Kesihatan tidak meneruskan cadangan pembinaan Hospital Kampar.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan bekerjasama dengan pihak UTAR dan memberikan khidmat nasihat dalam pembangunan hospital tersebut. Kementerian ini juga bersedia menimbangkan permohonan pihak UTAR agar beberapa perkhidmatan (*Radiotherapy, Bone Marrow Transplant, Advanced Cell-based Therapy for Cancers, Stem Cells for Regenerative Medicine and Cardiothoracic Surgery*) diambil kira sebagai perkhidmatan Hospital Kerajaan sebaik sahaja Hospital ini siap dan beroperasi kelak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum Daerah Kampar memang memerlukan hospital Kampar yang baru bagi menggantikan hospital sediaada. Perancangan tersebut telah dikaji bersekali dengan hasrat pihak Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang bercadang membina sebuah hospital pengajar di Daerah Kampar pada masa yang sama. Oleh itu, bagi memastikan penggunaan kemudahan hospital baru Kampar yang akan dibina (samaada oleh pihak kerajaan atau swasta) dapat dioptimalkan, kementerian sedang menyusuli pelaksanaan cadangan pembinaan hospital pengajar oleh pihak UTAR tersebut.